



## JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

Portal Rasmi : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### PENAFIAN BERHUBUNG KES PENIPUAN YANG MENYALAHGUNAKAN NAMA PEGAWAI JABATAN PERTANIAN DAN PEMALSUAN PESANAN KERAJAAN

PUTRAJAYA, 1 Julai 2026 – Jabatan Pertanian memandang serius dan mengambil perhatian berat berhubung aduan berkaitan kes penipuan yang dikesan menyalahgunakan nama dan jawatan pegawai bagi tujuan memalsukan dokumen Pesanan Kerajaan. Taktik licik pihak tidak bertanggungjawab ini bertujuan untuk memperdaya pihak syarikat pembekal tempatan bagi menyediakan bekalan dan perkhidmatan kononnya untuk program Jabatan. Impak daripada aktiviti penipuan ini telah menyebabkan syarikat pembekal terpedaya, mengalami kerugian kewangan, sedangkan tiada sebarang perolehan rasmi dibuat oleh pihak jabatan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian **MENAFIKAN SEKERAS-KERASNYA** penglibatan pihak jabatan dalam sebarang dokumen Pesanan Kerajaan fizikal atau arahan pembekalan mencurigakan yang dikeluarkan di luar sistem rasmi. Tindakan tidak bertanggungjawab ini merupakan satu jenayah berat yang jelas berniat jahat bagi mencemarkan imej dan kewibawaan Jabatan Pertanian serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bagi mengelakkan isu penipuan ini daripada terus berleluasa, Jabatan Pertanian ingin menegaskan dan menasihatkan semua pihak yang terlibat dalam urusan bekalan dan perkhidmatan agar menggunakan Sistem e-Perolehan (eP) rasmi Kerajaan bagi setiap permohonan bekalan dan perkhidmatan. Jabatan Pertanian tidak mengeluarkan Pesanan Kerajaan secara manual atau melalui saluran peribadi.

Semua pihak yang terlibat terutamanya syarikat pembekal disaran untuk menghubungi Jabatan Pertanian terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa bekalan dan perkhidmatan yang dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu bagi mengelakkan kes penipuan yang sama daripada berulang.

Jabatan Pertanian amat mengalu-alukan sekiranya kenyataan penafian ini disebarluaskan kepada semua yang terlibat demi melindungi kepentingan awam serta menjaga kewibawaan institusi Kerajaan, khususnya Jabatan Pertanian.

#####

**JABATAN PERTANIAN**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian  
Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my) Faks : 03-8888 3044





# PENAFIAN RASMI

1 Julai 2026

## Penegasan Jabatan Pertanian



- **Tiada Pesanan Fizikal/Manual:** Jabatan Pertanian menafikan sekeras-kerasnya penglibatan dalam sebarang pesanan fizikal atau arahan di luar sistem rasmi Kerajaan.
- **"JANGAN MUDAH PERCAYA DOKUMEN YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN."** Segala dokumen yang dikeluarkan di luar sistem rasmi adalah tidak sah dan merupakan satu jenayah berat.

**PALSU**

### Isu Penipuan Semasa



#### Penyamaran Pegawai & Dokumen Palsu:

Pihak tidak bertanggungjawab menyalahgunakan nama pegawai dan memalsukan dokumen Pesanan Kerajaan untuk memperdaya syarikat pembekal.



#### Modus Operandi Penipuan:

Penipu meminta bekalan/perkhidmatan kononnya untuk program Jabatan, mengakibatkan kerugian kewangan kepada pembekal yang terpedaya.

### Saluran Perolehan Sah



**Gunakan Sistem e-Perolehan (eP):** Semua urusan bekalan dan perkhidmatan Jabatan Pertanian dilaksanakan secara eksklusif melalui portal e-Perolehan (eP) Kerajaan.



**Bukan Melalui Saluran Peribadi:** Jabatan tidak menggunakan WhatsApp peribadi, panggilan telefon individu, emel tidak rasmi, atau pesanan manual untuk urusan perolehan.

### Langkah Pencegahan Pembekal



**Semak Sebelum Bekal:** Sahkan kesahihan setiap permohonan dengan menghubungi Jabatan Pertanian secara terus sebelum membuat sebarang penghantaran.



**Lindungi Perniagaan Anda:** Jika menerima arahan meragukan, hentikan urusan dengan serta-merta dan jangan buat sebarang pembayaran atau pembekalan sehingga disahkan.